

Appendix A

Dr Mohamad Maliki Bin Osman: Tuan Pengerusi, kita tahu pendidikan wajib telah berkuat kuasa sejak beberapa tahun lalu. Penuntut-penuntut madrasah juga tidak dikecualikan dari sistem pendidikan wajib. Mereka diwajibkan menduduki Peperiksaan Tamat Sekolah Rendah (PSLE) mulai tahun 2008. Mereka perlu mendapat agregat minima yang telah ditetapkan dalam mata pelajaran Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris .

Tuan, ini adalah arah tuju yang tepat untuk memastikan mereka dapat menyesuaikan diri dalam ekonomi baru, tidak kira sama ada mereka menceburi kerjaya dalam bidang keagamaan ataupun sekular. Masa depan mereka akan lebih terjamin kerana keupayaan mereka dan adanya pilihan sekiranya mereka bercadang untuk beralih ke aliran sekular, justeru itu mendedahkan mereka kepada peluang kerjaya yang tiada batasnya di dalam era globalisasi yang akan kita lalui.

Tuan, saya meminta Menteri untuk memberikan laporan lanjut tentang persiapan dan keupayaan penuntut-penuntut madrasah untuk menduduki dan lulus peperiksaan PSLE ini. Apakah yang akan berlaku jika mereka gagal? Adakah persiapan yang penuntut dan madrasah lakukan setakat ini memuaskan?

Dalam kita memastikan kemahiran penuntut-penuntut madrasah dalam tiga mata pelajaran utama itu ditingkatkan, kita juga harus memastikan penuntut-penuntut sistem sekular kita mendapat pendidikan agama yang mencukupi sebagai asas pembangunan moral dan keperibadian mereka. MUIS telah merombak sistem pendidikan agama separuh masa beberapa tahun yang lalu. Setakat ini, apakah respons yang telah diberikan oleh anggota masyarakat kita terhadap pendidikan agama separuh masa ini? Berapa peratuskah penuntut sistem sekular kini terdaftar dalam kelas-kelas agama separuh masa ini? Adakah MUIS mempunyai matlamat optimum bagi kadar pendaftaran penuntut dalam kelas-kelas agama separuh masa ini? Kita juga dimaklumkan bahawa ramai di antara para remaja tidak mengikuti kursus-kursus sedemikian. Saya ingin ketahui sama ada program "Teens Alive" berkesan dalam menarik golongan remaja untuk mengikuti kelas-kelas agama ini.